

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' MASIR KUJAT [SRI AMAN]

TARIKH : 24 OGOS 2020 (ISNIN)

SOALAN

DATO' MASIR KUJAT [SRI AMAN] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah status pelaksanaan Hospital Sri Aman pada masa ini. Bilakah ianya dijangka siap dibina.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sentiasa berusaha menambahbaik capaian sistem perkhidmatan kesihatan demi kesejahteraan rakyat Malaysia terutamanya penduduk Sarawak.
2. Untuk makluman, Hospital Sri Aman kini sedang dalam Fasa 2 pelaksanaan di mana kerja-kerja bangunan dan kerja-kerja berkaitan sedang giat dijalankan. Sehingga Julai 2020, status sebenar kemajuan kerja di tapak ialah sebanyak 82.57% berbanding 91.00% jadual. Tarikh siap semasa projek ini adalah pada 6 Februari 2021.
3. Antara perkara yang menyebabkan kelewatan projek ini disiapkan ialah Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), isu mendapatkan tanah dan pindaan rekabentuk.
4. Kementerian ini bersama Jabatan Kerja Raya dan Agensi-agensi Kerajaan yang lain sentiasa bekerjasama dengan erat bagi memastikan projek ini berjalan dengan lancar. Adalah menjadi aspirasi Kementerian ini agar projek-projek ini disiapkan pada masa, kos dan standard yang telah ditetapkan.

Sekian, terima kasih.